

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN TULISAN JAWI PADA PAPAN IKLAN PREMIS DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS


1. Penggunaan Tulisan Jawi hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan. Tulisan Jawi dalam bahasa selain Bahasa Kebangsaan hanya dibenarkan bagi Nama Khas sahaja. Contoh :
Bahasa Kebangsaan : Restoran Selera Ibu.
Nama Khas : 7-Eleven.
2. Tulisan Jawi boleh digunakan bagi Nama Perniagaan / Organisasi atau Jenis Aktiviti Perniagaan / Organisasi. Contoh :
Nama Perniagaan/Organisasi : 7-Eleven.
Jenis Aktiviti Perniagaan/Organisasi : Kedai Serbaneka.
3. Saiz Tulisan Jawi hendaklah sama besar atau tidak melebihi saiz Tulisan Rumi.
4. Tulisan Jawi hendaklah diletakkan di bahagian atas atau bersebelahan (sebelah kanan) dengan Tulisan Rumi. Tulisan dalam bahasa lain, jika ada, hendaklah diletakkan di bawah Bahasa Kebangsaan / Tulisan Rumi dan saiz tulisan dalam Bahasa lain hendaklah lebih kecil daripada saiz tulisan Bahasa Kebangsaan / Tulisan Rumi / Tulisan Jawi.
5. Khat Tulisan Jawi hendaklah menggunakan jenis Sakkal Majalla, Uthman Taha, Arabic Style atau jenis lain yang sesuai yang dibenarkan oleh Majlis Perbandaran Kangar.
6. Tulisan Jawi yang digunakan hendaklah mendapat pengesahan pakar rujuk Tulisan Jawi yang ditauliah atau diperakui oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis (MAIPs), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atau mana-mana pihak berautoriti lain yang dibenarkan oleh Majlis Perbandaran Kangar.
7. Semua papan iklan hendaklah mendapat kelulusan Majlis Perbandaran Kangar terlebih dahulu sebelum dipamerkan.

Contoh Papan Iklan 1 : Tulisan Jawi Pada Jenis Aktiviti Perniagaan




Jenis Aktiviti Perniagaan : Restoran
Nama Perniagaan : Restoran Selera Ibu

Contoh Papan Iklan 2 : Tulisan Jawi Pada Nama Perniagaan




**Contoh Papan Iklan 3 : Kedudukan Tulisan Jawi (Jenis Aktiviti Perniagaan)
Bersebelahan Tulisan Rumi (Nama Perniagaan)**



Jenis Aktiviti Perniagaan : Kedai Serbaneka
Nama Perniagaan : 7-Eleven

**Contoh Papan Iklan 4 : Kedudukan Tulisan Jawi (Nama Perniagaan)
Bersebelahan Tulisan Rumi (Nama Perniagaan)**



Contoh Papan Iklan 5 : Tulisan Jawi & Rumi Dalam Bahasa Kebangsaan (Kedudukan Atas – Bawah) Dan Tulisan Dalam Bahasa Lain (Kedudukan Di Bawah Tulisan Jawi / Rumi, & Saiz Tulisan Lebih Kecil Daripada Saiz Tulisan Dalam Bahasa Kebangsaan / Tulisan Jawi / Tulisan Rumi)



Contoh Papan Iklan 6 : Tulisan Jawi & Rumi Dalam Bahasa Kebangsaan (Kedudukan Bersebelahan) Dan Tulisan Dalam Bahasa Lain (Kedudukan Di Bawah Tulisan Jawi / Rumi, & Saiz Tulisan Lebih Kecil Daripada Saiz Tulisan Dalam Bahasa Kebangsaan / Tulisan Jawi / Tulisan Rumi)

